

Pelajar IPT Sabah Terima Bantuan RM5 Juta

Terakhir dikemaskini: Khamis, 26 April 2018 15:07 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1273

[Kongsi 164](#)
[Syorkan 164](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


KHAMIS, 26 April – Sebanyak RM5 juta disediakan Kerajaan negeri dibawah Peruntukan Khas Bajet bagi memberi manfaat kepada pelbagai pihak termasuk bantuan khas kewangan khususnya untuk anak-anak Sabah yang melanjutkan pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT).

Ketua Menteri, Tan Sri Musa Aman berkata, ia sebagai usaha untuk meringankan beban kewangan pelajar yang melanjutkan pengajian masing-masing.

“Kerajaan negeri telah menerima sebanyak 6,818 permohonan dan daripada jumlah itu, hanya 5,263 pelajar berjaya memenuhi kriteria untuk menerima bantuan khas kewangan berkenaan meliputi 108 IPT di seluruh negara.

“Bagaimanapun sebanyak 4,184 anak-anak Sabah yang ketika ini sedang melanjutkan pengajian di 18 buah IPT di negeri ini akan menerima bantuan secara “one off” sebanyak RM950 melibatkan sejumlah RM4 juta yang akan dimasukkan ke akaun masing-masing bermula esok (hari ini),” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan sempena majlis Penyerahan Bantuan Khas Kewangan Pelajar IPT Anak-Anak Sabah di Universiti Malaysia Sabah (UMS), kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun.

Tan Sri Musa menambah, baki peruntukan sebanyak RM1 juta lagi akan diagihkan kepada 1,079 pelajar lain yang kini sedang menuntut di 90 buah IPT di Semenanjung dan Sarawak.

Hadir sama pada majlis itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Tan Sri Sukarti Wakiman dan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.